

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 01.11.2016

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian ingin meneruskan pembinaan sekolah baru SK Kebagu bagi menggantikan sekolah lama yang daif; dan
- (b) berapakah jumlah sekolah baru yang akan dibina kawasan Sepanggar dalam Rancangan Malaysia Ke 11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang pembinaan sekolah baharu bagi Sekolah Kebangsaan Kebagu, Kota Kinabalu, Sabah untuk menggantikan sekolah lama yang daif. Projek tersebut telahpun diluluskan dalam RMKe-11 Rolling Plan 1 Tahun 2016-2017. Pada masa ini, status pelaksanaan projek ini dalam peringkat penyediaan reka bentuk awal. Kerja-kerja fizikal dijangka akan bermula pada awal tahun 2017.

(b) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, dalam RMKe-11 KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah merancang pembinaan sebanyak empat (4) sekolah rendah dan lima (5) sekolah menengah baharu di kawasan Sepanggar. Walau bagaimanapun, kelulusannya bergantung kepada kelulusan Agensi Pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

RJM23